

**SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN  
NEGERI SEMBILAN  
PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS,  
2021-2025 (RMKe-12)**

**TRANSKRIP UCAPAN MUKADIMAH OLEH  
YB SENATOR DR. RADZI JIDIN  
TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

**20 OGOS 2019  
WISMA NEGERI, SEREMBAN  
NEGERI SEMBILAN**

**Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun**

Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus

**Yang Berbahagia Tuan Masri bin Razali**

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) mewakili  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli Yang  
Berhormat

Pengarah-Pengarah Bahagian Kementerian Hal Ehwal  
Ekonomi

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan  
Peringkat Persekutuan dan Negeri

1. Pertama sekali saya sampaikan salam daripada YB Dato' Seri Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi kerana beliau tidak dapat turut serta dalam program kita pada hari ini.
  
2. Alhamdulillah, kita mulakan sesi libat urus ini di negeri Melaka. Selepas Melaka, kita ke Johor. Kemudian ke Pulau Pinang. Kemudian ke Sabah, Sarawak, Perak, Perlis, Selangor, Terengganu dan Pahang dan Negeri Sembilan merupakan negeri ke sebelas. Kita nak letak nombor sembilan jadi nombor sebelas.
  
3. Sesi libat urus ini telah berjalan dengan baik dan ini merupakan satu usaha oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk mendapatkan *feedback*, mendapatkan maklum balas dari Kerajaan-Kerajaan Negeri dalam usaha untuk menyiapkan RMKe-12 yang akan dibentangkan di Parlimen pada bulan Ogos tahun hadapan. InsyaAllah.
  
4. Jika kita lihat pendekatan yang diambil oleh pihak Kementerian apabila kita bercakap tentang RMKe-12 bukan sahaja *top-down approach*, bukan sahaja kata kita hendak buat ini, Kerajaan Negeri kena buat. Kita mengambil kira *bottom-up approach*, dapatkan *feedback*

dari pihak Kerajaan Negeri, bukan sahaja Kerajaan Negeri tetapi juga pihak industri, ahli-ahli akademik, NGO dan sebagainya.

5. Ini kerana kita inginkan supaya dokumen RMKe-12 ini menjadi milik seluruh rakyat Malaysia. Mereka merasakan bahawa pandangan mereka diambil kira, keperluan mereka diambil kira dan kita inginkan dokumen RMKe-12 ini satu dokumen yang komprehensif. Jadi sebelum saya meneruskan, saya ingin menyentuh sedikit tentang tunjang RMKe-12 ini.
6. RMKe-12 ini akan bertunjangkan kepada Wawasan Kemakmuran Bersama. YAB Perdana Menteri mula bercakap tentang Kemakmuran Bersama sewaktu membentangkan Kajian Separuh Penggal RMKe-11 di Parlimen pada 18 Oktober tahun lepas. Kemudian sewaktu perutusan setahun Pakatan Harapan, YAB Perdana Menteri menjelaskan secara lebih lanjut tentang *framework* ataupun kerangka Rancangan Kemakmuran Bersama ini.
7. Dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan, memberi gambaran sedikit tentang

Wawasan Kemakmuran Bersama ini supaya kita dapat bersama-sama memahami semangat di sebalik apa yang dinyatakan, apa yang ingin dibawa oleh YAB Perdana Menteri.

8. Pertama sekali apabila kita bercakap tentang Kemakmuran Bersama, kita ingin melihat pada tahun 2030 seluruh rakyat Malaysia akan mendapat satu kehidupan yang wajar atau *a decent standard of living* pada tahun 2030.
9. Maknanya pada waktu itu kemakmuran negara dikongsi ke seluruh rakyat Malaysia kerana apa yang berlaku sebelum ini, jika kita lihat tentang kemakmuran itu sendiri. Jika kita lihat sebelum ini, pertumbuhan ekonomi, kita tengok nombor GDP. Sebagai contoh 6%, 5%, 7% ke, tetapi apa yang berlaku di bawah rakyat tidak merasai pertumbuhan itu. Rakyat tidak merasai peningkatan kuasa beli. Rakyat tidak merasai kesejahteraan ekonomi itu sendiri. Maka apabila kita bercakap tentang Kemakmuran Bersama, kita tidak hanya atau bercakap tentang GDP *growth* tetapi kita melihat pembangunan ekonomi secara lebih holistik.

10. Dan tiga objektif utama Kemakmuran Bersama ini. Yang pertamanya adalah untuk merapatkan jurang ekonomi. Apabila kita bercakap tentang jurang ekonomi, kita tumpukan pada empat komponen. Pertama adalah untuk merapatkan jurang antara kelas pendapatan. Data-data menunjukkan bahawa jurang antara kelas pendapatan, jurang antara yang kaya dan yang miskin semakin hari semakin melebar. Dan ini tidak boleh dibiarkan. Dan inilah antara satu komponen dalam merapatkan jurang ekonomi.
  
11. Yang kedua, adalah untuk merapatkan jurang ekonomi antara wilayah. Jika kita lihat dalam negara ini ada wilayah-wilayah, ada kawasan-kawasan berkembang pesat, ada kawasan-kawasan yang berkembang secara sederhana dan ada kawasan-kawasan yang jauh ketinggalan.
  
12. Sebab itulah dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-11, Kerajaan telah menamakan enam negeri yang ketinggalan untuk diberi tumpuan dari segi peruntukan pembangunan. Dan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama ini, kita ingin melihat pembangunan itu dirasai di seluruh pelusuk negara dari Perlis sampailah ke Sabah. Itulah jurang yang kedua antara wilayah.

13. Dan jurang yang ketiga adalah antara kaum. Suka atau tidak, hakikatnya data-data menunjukkan masih terdapat jurang yang luas di antara kaum. Dan seperti mana YAB Perdana Menteri sebut dalam satu negara, satu kaum pun apabila jurang ekonomi itu melebar ianya akan menimbulkan *insecurity*, rasa tidak selamat dan sebagainya. Dan inilah antara jurang yang ketiga yang Kerajaan akan lihat untuk kita rapatkan.
  
14. Seterusnya adalah jurang dari sudut rantaian bekalan. Jika kita lihat *supply chain* ini tidak terbuka. Kadang-kadang dimonopoli oleh sesetengah pihak. Maka rakyat tidak merasai nikmat dari ekonomi itu sendiri. Laporan Malaysia Competition Commission (MyCC) tentang harga barang contohnya. Tentang *supply chain* tempoh hari, menunjukkan bahawa bagaimana nelayan yang ke laut ini, yang keluar siang malam ke laut, hasilnya amat minima berbanding dengan mereka yang dalam *supply chain* dari segi pemborong dan sebagainya dalam rantaian bekalan tersebut.
  
15. Yang bekerja keras dapat sedikit, yang ke laut yang berisiko tinggi dapat sedikit, tetapi yang lain itu merasai nikmat yang lebih besar. Jadi sebab itu kita mahu lihat keseluruhannya. Oleh yang demikian, apabila kita

bercakap tentang nak merapatkan jurang ini, maka kita tidak boleh lakukan, dari segi sudut ekonominya kita perlu melihat ekonomi itu dari sudut sedikit berbeza apa yang berlaku sebelum ini dan itulah objektif kedua.

16. Apabila kita nak berkongsi kemakmuran ini, berkongsi kekayaan itu, ekonomi itu perlu terus berkembang. Kita tidak boleh berkongsi kalau ekonomi itu menguncup. Ekonomi itu perlu terus berkembang dan itulah merupakan objektif kedua Kemakmuran Bersama.
17. Kemakmuran Bersama objektif keduanya, pertumbuhan ekonomi. Kita menumpukan kepada penstrukturran semula ekonomi kita. Dan ini apabila kita bercakap tentang penstrukturran semula kita tidak adalah hendak ubah segala-galanya. Cuma ada komponen-komponen yang kita perlu lihat, kita perlu beri penekanan.
18. Dan ini contoh yang saya selalu bagi setiap sesi saya. Saya kata apabila saya *graduate* pada akhir tahun 1999. Pasaran pekerjaan pada waktu itu untuk seorang graduan, gajinya antara RM1,500 hingga RM2,500. Itu pada tahun 1999. 20 tahun berlalu, graduan yang keluar baru

*graduate* ada yang masih sanggup menerima RM1,000, RM1,500 itu satu kebiasaan.

19. Dalam tempoh 20 tahun, gaji itu dilihat secara umumnya agak *stagnant*. Tapi pada masa yang sama, inflasi itu terus meningkat. Jadi apabila gaji yang *stagnant* itu, inflasi meningkat, kos sara hidup meningkat, maka apabila *line* itu *cross* itulah antara punca tekanan. Apabila kita bercakap tentang tekanan kos sara hidup ini, ada dua komponen. Bukan sahaja *expense* tetapi juga *revenue* atau pendapatan *income* itu sendiri.
20. Jadi sebab itulah apabila kita bercakap tentang ekonomi ini, Kerajaan baharu ini akan menumpukan, fokus kepada ekonomi yang bernilai tinggi. Apabila kita bercakap tentang ekonomi bernilai tinggi ini satu hasrat YAB Perdana Menteri. PM hendak tengok, sebab itulah kalau kita tengok PM banyak turun ke bawah melihat sendiri terutamanya dalam *agriculture*. Turun tekankan bahawa *agriculture* ini tidak boleh dilakukan seperti mana sebelum ini.
21. Sebelum ini bekerja, petani-petani kita bekerja 9.00 pagi keluar selepas subuh. Keluar bekerja, balik sekejap

makan tengah hari, keluar balik sebelah petang tetapi *incomenya on average* yang buat padi ke getah contohnya, ada yang sekadar RM500, RM600, RM900 sebulan. Tetapi ada mereka yang menanam sayur-sayuran dengan *at least* minimum teknologi sebagainya boleh buat sampai RM20,000 sebulan.

22. Dengan *effort* yang sama, nilai *productionnya* adalah lebih rendah. Oleh itu apabila kita bercakap tentang ekonomi itu, kita ingin melihat tentang ekonomi yang bernilai tinggi. Dan satu lagi contoh saya berikan adalah tentang makanan haiwan. Saya masih ingat dalam satu sesi pertemuan bersama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.
23. Saya bertanya kepada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, memandangkan dalam ternakan *livestock* ini antara komponen paling mahal, paling banyak kos adalah makanan. Jadi saya tanya tidak adakah *resources* dalam Malaysia ini yang kita boleh guna supaya kos makanan haiwan ini dapat dikurangkan. Maka kita boleh *produce* kita punya daging sendiri dengan lebih banyak.

24. Apa yang diterangkan bahawa kita ada *palm kernel cake* (PKC) daripada sawit ini. Tapi apa yang berlaku, PKC ini dieksport ke Netherlands. Diproses di sana sebagai makanan haiwan, dihantar balik kepada kita untuk dijual sebagai makanan haiwan. Maka kosnya jauh lebih mahal. Jadi ini antara struktur ekonomi yang kita perlu lihat. *Downstream activities*, kita ada hasil, kita ada *raw materials* yang boleh ditambah nilai supaya ianya memberi manfaat kepada sektor pertanian di negara ini. Itu objektif kedua, menstruktur semula ekonomi bercakap tentang pembangunan ekonomi.
25. Objektif ketiga Wawasan Kemakmuran Bersama ini untuk membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang bermaruah, sebagai sebuah paksi ekonomi Asia. Jika kita lihat pertumbuhan paling pesat ekonomi dalam dunia pada ketika ini adalah di Asia. Maka Malaysia sebagai sebuah negara yang berada pada satu kedudukan geografi yang amat baik, pada masa yang sama bebas daripada bencana alam yang besar.
26. Maka kita ini sebenarnya sebuah negara yang dikurnia dengan pelbagai nikmat, dengan tanah yang subur dan kita tidak menghadapi *drought* yang berlarutan ataupun

kemarau yang berlarutan. Saya bagi contoh. Saya duduk Australia lama. Contoh saya banyak di Australia. Di Australia, tanahnya luas. Benua Australia cukup luas. Tetapi antara isu utamanya adalah isu kemarau. Dalam bidang sektor pertanian di Australia, mereka boleh berjaya dengan baik tetapi bila datang kemarau, *nothing they can do*. Memang tidak boleh hendak buat apa dan inilah satu cabaran utama.

27. Kemarau ini, kalau kita sikit-sikit boleh tahan lagi. Tetapi apabila bercakap tentang kemarau di sana cukup kering. Haiwan-haiwan mati dalam ladang yang luas itu. Tetapi masa saya di sana, saya kata di Malaysia ini kita tidak menghadapi masalah itu. Hujan kita cukup. Tanaman kita hijau. Tetapi kita tidak *optimise* kelebihan kita itu untuk mencapai satu potensi ekonomi yang baik. Sebab itulah eksport makanan kita eksport pertanian kita ini lebih daripada RM50 bilion setahun.
28. Dengan negara yang ada macam-macam ini masih mengimport lebih RM50 bilion setahun. Dan saya sebut saya ini suka ke bawah ke pasar, saya ke pasar minggu lepas. Cili padi dari Thailand sekilo RM40. Semalam saya pergi tengok RM24, turun sikit, turun banyak juga itu. Hendak cakap bahawa cili padi yang kita campak benih

pun boleh hidup di Malaysia ini. Nilainya di *market* RM40 sekilo. Potensi itu cukup besar.

29. Dan itulah antara diberi penekanan oleh YAB Perdana Menteri apabila bercakap tentang menambah nilai dari dalam sudut ekonomi. Kita tidak boleh lakukannya dengan cara atau kaedah yang lama. *The precision farming, smart farming, IoT* dan sebagainya perlu digunakan, perlu digemblengkan.
30. Saya ingin menyentuh sedikit tentang keputusan Majlis Tindakan Ekonomi. Majlis Tindakan Ekonomi ini ditubuhkan dan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Dan dalam usaha kita bercakap tentang pertumbuhan ekonomi, secara umumnya ekonomi kita berkembang dengan baik. Pada tahun lepas 4.8% dan yang suku kedua 4.9%. Walaupun dalam keadaan ekonomi dunia yang amat mencabar.
31. Kita tidak boleh lihat ekonomi kita di Malaysia sahaja menghadapi keadaan sebegini. Ini satu dunia menghadapi keadaan ekonomi yang mencabar seperti mana yang saya cakap di Australia pun *struggling* kerana antaranya *trade war* antara Amerika Syarikat dan China. Ini memberi kesan

kepada ekonomi khususnya dari segi ketidaktentuan. Trump ini buat keputusan kadang-kadang di Twitter sahaja. You see how this uncertainty, menyebabkan ekonomi pelabur-pelabur itu sendiri tidak tahu apa *the next step* yang patut mereka ambil.

32. Dan Alhamdulillah kita mempunyai satu *fundamental economy* yang kukuh untuk membentuk satu *buffer* dalam konteks sebarang isu ekonomi. Dan apabila saya menyentuh tentang EAC (Economic Action Council) ditubuhkan YAB Perdana Menteri as an *action-oriented*, maknanya ada isu selesaikan. Dan antara keputusan EAC yang saya rasa Kerajaan Negeri perlu dimaklumkan adalah tentang keputusan untuk memendekkan tempoh mendapatkan permit pembinaan ataupun *construction permit*.
  
33. Secara umumnya sedar atau tidak *on average* ianya mengambil masa 390 hari untuk dapatkan *construction permit* di Malaysia. Sebab itulah kontraktor-kontraktor atau *company-company* pembinaan ini kata, kami boleh siapkan projek ini dalam masa setahun. Tetapi hendak dapat permit dua tahun. Ini antara perkara yang dibincangkan di EAC dan EAC telah membuat keputusan supaya

*construction permit* ini dipendekkan. Permohonan permit ini dipendekkan daripada 390 hari kepada cuma 90 hari.

34. Dan Ketua Setiausaha Negara telah mengambil pendekatan yang diperlukan untuk memastikan usaha ini, usaha memendekkan tempoh mendapatkan permit pembinaan daripada 390 hari ini kepada 90 hari ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Jadi saya mohon YAB Menteri Besar dan pihak Kerajaan Negeri supaya turut sama membantu kita untuk memastikan kita dapat pendekkan.
35. Dengan memendekkan tempoh ini maka kita dapat *create activity economy* dalam keadaan yang lebih cepat. Birokrasi itu dapat dikurangkan dan ekonomi itu dapat berkembang dengan lebih baik.
36. Seterusnya tentang ekonomi Negeri Sembilan. YAB Menteri Besar telah menjelaskan sedikit sebanyak tentang ekonomi di Negeri Sembilan dan Puan Noraini dari Kementerian Hal Ehwal Ekonomi akan melakukan pembentangan berkaitan hal ini. Cuma saya ingin menyentuh tentang RP4 (Rolling Plan Ke-4) RMKe-11.

37. Negeri Sembilan telah diperuntukkan sejumlah RM809 juta atau 1.5% daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan. Jumlah peruntukan ini telah meningkat 17.4%, iaitu sebanyak RM120 juta daripada tahun sebelumnya. Tahun 2018, RM689 juta. Tahun 2019 RM809 juta. Peruntukan tersebut bagi melaksanakan sebanyak 27 projek baharu dan 130 projek sambungan.
38. Kerajaan turut mengambil maklum akan usaha Kerajaan Negeri dalam melaksanakan Malaysian Vision Valley (MVV) yang meliputi dua daerah utama di Negeri Sembilan iaitu Seremban dan Port Dickson. Pembangunan ini dilihat boleh memanfaatkan ekonomi Negeri Sembilan secara keseluruhannya. Mewujudkan *spillover effect* kepada kawasan-kawasan yang sekitar dan melonjakkan taraf sosioekonomi di Negeri Sembilan.
39. Dalam aspek pembangunan luar bandar pula, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sembilan yang telah memberikan penekanan khusus kepada pembangunan luar bandar melalui Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan. Sepertimana yang disebut oleh YAB Menteri Besar tadi, melibatkan kawasan Rembau, Tampin, Jempol, Jelebu dan Kuala Pilah.

40. Ini sebenarnya selari dengan konsep Kemakmuran Bersama yang saya sebut tadi sebab kita tidak mahu pembangunan itu terhad kepada satu-satunya kawasan tertentu. Kita inginkan rakyat merasai nikmat pembangunan negara secara keseluruhannya. Orang di Perlis dapat rasa sampailah orang di Sabah pun dapat merasai nikmat pembangunan ini.
41. Seterusnya, seperti mana yang disebut YAB Menteri Besar tadi tentang bidang pertanian melibatkan anak-anak muda dalam bidang pertanian. Jika kita lihat pertanian ini diberi penekanan oleh YAB Perdana Menteri bukan *traditional farming*. Ini pertanian bernilai tinggi bagi memastikan kita dapat mengurangkan import keperluan kita pada masa yang sama mewujudkan usahawan-usahawan khususnya dari golongan muda.
42. Apabila kita bercakap tentang teknologi tinggi dan penggunaan IoT, *drone* dan sebagainya. Petani-petani atau kita punya pekebun-pekebun, peladang-peladang warga emas mungkin tidak biasa dengan teknologi-teknologi baharu. Tetapi anak-anak muda ini cukup berminat. Anak-anak muda kita boleh duduk di depan telefon sejam pun tiada masalah, duduk tengok benda yang sama. Dan inilah peluangnya supaya mereka

memanfaatkan kebolehan mereka itu dalam konteks ekonomi sebenar, *reality on the ground*.

43. Oleh yang demikian, ini antara penekanan diberikan dan saya pada petang ini selesai sahaja program ini saya akan melawat tiga projek pertanian. Satu projek pertanian jagung seluas 13 hektar. Seorang anak muda, jagung seluas 13 hektar. Seterusnya, ternakan udang dan juga *dairy*, NS Dairy Farm. Jadi inilah kita hendak tengok supaya sektor pembangunan di bandar itu MVV dan sebagainya *that is one concept*. Tetapi pada masa yang sama pembangunan di luar bandar ini juga kita perlu beri perhatian.
  
44. Dan sewaktu saya di Terengganu bersama YAB Menteri pun kita melihat, kita melawat projek ternakan lembu sado. Lembu sado ini lembu besar la. Tetapi di Australia ini, semua lembunya sado. Di Australia tiada yang tidak sado. Semua lembunya sado. Tetapi apa yang nak diceritakan apabila diletakkan seekor lembu kampung sebelah itu dengan lembu sado. *Then you can see*, boleh tengok bezanya. Bagi makan sama sahaja. Bagi makan pagi, bagi makan tengah hari, petang dan sebagainya.

45. Tetapi peningkatan berat itu merupakan nilai ekonomi dan itulah yang kita ingin tumpukan. Dan anak muda ini berumur awal 30-an dan ada 10 ekor besar-besar lembunya. Dan ini sebahagian daripada kita cuba tengok apa yang rakyat sedang lakukan *on the ground*. Dan inilah antara intipati libat urus ini sebab setiap negeri itu sendiri mempunyai kelebihan masing-masing. Ada isunya yang *specific*.
46. Pada masa yang sama ada kelebihan masing-masing. Dan seperti mana yang YAB Menteri Besar sebut tadi dari segi sektor pertanian dan pelancongan mempunyai nilai budaya, kawasan-kawasan yang baik, *biodiversity* dan sebagainya. Ini yang perlu digembangkan dan pelancongan ini untuk sebuah negeri yang kecil, saya berkongsi sedikit. Untuk sebuah negeri yang kecil, pelancongan ini boleh menjadi satu *low hanging fruits* yang dapat menjana pendapatan atau ekonomi yang cukup besar.
47. Saya 20 tahun di Australia ini, pusing merata sehingga lah saya ke *last* sekali sebelum saya balik *resign* adalah di Tasmania. Tasmania ini kalau dibandingkan di Australia ialah negeri yang paling kecil, antara paling kecil. Pulau di bawah. Dalam bentuk Australia terdapat pulau di bawah.

Nampak kecil tapi ianya 2/3 Semenanjung. Cuma aktiviti tidak banyak selain daripada *timber*, selain dari *aquaculture*. Antara aktiviti utama adalah pelancongan.

48. Setiap pelusuk di negeri ini dioptimumkan produk pelancongannya. Dan itulah antara peluang macam yang disebut YAB Menteri Besar tadi yang perlu digembangkan dan kita di Kementerian bersedia mendengar apa peluang dan menyusun *priority* negeri dalam menyusun RMKe-12 ini. Dan saya rasa itulah sedikit sebanyak fokus kita pada hari ini dan Puan Noraini akan memberikan penjelasan yang lebih lanjut sebelum kita bertukar ke sesi perbincangan. Saya berharap program kita pada hari ini dapat memberi manfaat yang banyak kepada pihak Kerajaan Negeri dan ini merupakan satu permulaan sahaja.
49. Sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Menteri Besar dan pihak Kerajaan Negeri Sembilan menerima kunjungan kami pada hari ini.

Sekian, terima kasih.